

Index
No.

							-	
--	--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS1EN/2

SECONDARY 1 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 5

BAHASA MELAYU
(KERTAS 2)

MALAY
(PAPER 2)

Additional Materials: Answer Booklet

Total Time: 1 h 30 min

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Write your Index No. in the boxes at the top right hand corner.
2. Do not turn over this page until you are told to do so.
3. Follow all instructions carefully.
4. Answer all questions.
5. Write your answers in the spaces provided.



This question paper consists of 11 printed pages.

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Kita selalu mendengar kisah para remaja yang terjerumus dalam aktiviti yang kurang berfaedah seperti menganggotai kumpulan samseng, merokok dan sebagainya. Perkara itu mungkin berlaku kerana mereka tidak tahu apakah yang patut (1) laku pada masa lapang yang mereka punyai. Sebenarnya, pelbagai aktiviti berfaedah yang boleh dilakukan oleh golongan remaja untuk (2) isi masa lapang. Misalannya, mereka boleh beriadah untuk mengekalkan kekuatan dan kesihatan tubuh badan. Dengan menjaga kesihatan dan kekuatan badan, mereka mampu memberi bantuan kepada ibu bapa dalam menguruskan hal di rumah. Sebagai (3) tua keluarga, ibu bapa pasti sibuk bekerja demi menyara keluarga. Selain (4) ringan beban yang ditanggung oleh ibu bapa, ini dapat menyemai rasa tanggungjawab dalam diri setiap remaja. Akhirnya, ini dapat melahirkan keluarga yang bahagia dan harmoni. Selain itu, remaja juga patut melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Ini dapat meningkatkan (5) hubung dengan anggota masyarakat dan mengeratkan perpaduan dalam negara. Golongan remaja boleh mendaftarkan diri untuk menjadi sukarelawan yang membantu mereka yang susah terutamanya warga emas dan orang kurang upaya. Dengan melakukan aktiviti-aktiviti seperti itu, para remaja akan berasa berpuas hati kerana mereka bijak meluangkan masa lapang mereka.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

berbeza	mendedahkan	serupa
kegiatan	meningkatkan	terhadap
keperluan	merendahkan	

Melancong ada banyak kebaikannya dari segi kesihatan. Antaranya ialah menghilangkan tekanan dan juga ____ (11) ____ risiko mendapat penyakit jantung. Bagi sesetengah orang, bersiar-siar di negara asing berupaya mengubati kemurungan dan keresahan. Meskipun kesannya mungkin tidak mujarab ____ (12) ____ semua orang, ia tetap boleh membuatkan seseorang berasa lebih tenang dari segi mental dan jasmani.

Kadangkala, kita juga perlu merehatkan diri kita daripada ____ (13) ____ harian. Ini kerana, kehidupan akan mula berasa bosan dan tidak bermakna. Ini mungkin berlaku sekiranya kita hanya mengulangi rutin yang ____ (14) ____ setiap hari.

Melancong juga boleh menjadikan seseorang lebih bijak kerana ia membuka minda kita dan ____ (15) ____ kita kepada perkara-perkara yang mungkin tidak kita ketahui sebelum itu. Kita juga akan menjadi seseorang yang lebih bersyukur terutamanya bagi penduduk Singapura di mana kehidupan kita serba-serbinya lengkap.

11. _____

12. _____

13. _____

14. _____

15. _____

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1



Alami Cara-cara:

- ✓ Menganyam bakul
- ✓ Melukis batik
- ✓ Membuat tembikar asli
- ✓ Menulis khat

PESTA KRAF TANGAN NASIONAL

22 Ogos – 1 September

10 Pagi - 10 Malam

Pusat Konvensyen Marina Bay Sands

MASUK PERCUMA

Nikmati persembahan daripada penyanyi tempatan dan antarabangsa yang diiringi muzik gambus dan gamelan!

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Berikut ialah aktiviti-aktiviti seni kraf tangan yang boleh dinikmati **kecuali** _____.

- (A) melukis batik
- (B) menganyam bakul
- (C) membuat tembikar asli
- (D) menonton persembahan

()

17. Pernyataan yang tepat mengenai Pesta Kraf Tangan Nasional ialah _____.

- (A) ia berlangsung sepanjang bulan Ogos
- (B) tiada bayaran dikenakan bagi para pengunjung
- (C) para pengunjung berpeluang membuat tembikar moden
- (D) persembahan yang disediakan ialah khususnya persembahan muzik gamelan

()

18. 'diiringi' dalam poster ini bermaksud _____.

- (A) diwakili
- (B) ditemani
- (C) dihasilkan
- (D) dipersembahkan

()

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Berikut ialah aktiviti-aktiviti seni kraf tangan yang boleh dinikmati **kecuali** _____.

- (A) melukis batik
- (B) menganyam bakul
- (C) membuat tembikar asli
- (D) menonton persembahan

()

17. Pernyataan yang tepat mengenai Pesta Kraf Tangan Nasional ialah _____.

- (A) ia berlangsung sepanjang bulan Ogos
- (B) tiada bayaran dikenakan bagi para pengunjung
- (C) para pengunjung berpeluang membuat tembikar moden
- (D) persembahan yang disediakan ialah khususnya persembahan muzik gamelan

()


18. 'diiringi' dalam poster ini bermaksud _____.

- (A) diwakili
- (B) ditemani
- (C) dihasilkan
- (D) dipersembahkan


()

TERBANGKAN SECARA SELAMAT

BUAT



JANGAN



Untuk Maklumat Lanjut

Sila rujuk kepada www.caas.gov.sg/fliesafe untuk mengetahui lebih lanjut tentang cara penggunaan dan pengendalian pesawat tanpa pemandu untuk penggunaan rekreasi atau peribadi.

CAAS

Penguasa Penerbangan Awam Singapura

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19. Tujuan utama poster ini adalah untuk _____.

- (A) memberi amaran kepada para pengguna pesawat tanpa pemandu
- (B) menggalak orang ramai agar menggunakan pesawat tanpa pemandu
- (C) memberi maklumat lanjut tentang Penguasa Penerbangan Awam Singapura
- (D) menggalakkan penerbangan pesawat tanpa pemandu dengan cara yang selamat

()

20. Semua pernyataan berikut adalah benar **kecuali** _____.

- (A) cecair tidak boleh dilepaskan daripada pesawat
- (B) pesawat langsung tidak dibenarkan mengangkat barang
- (C) pesawat boleh diterbangkan 10km daripada lapangan terbang
- (D) tumpuan pemandu tidak boleh terganggu dengan kehadiran pesawat

()

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

"Phew, lega sedikit!" Shakira mengeluh sejurus beliau menjejakkan kaki ke kawasan redup di bawah pokok. Kedinginan yang dinikmati ketika dilindungi dedaunan jauh berbeza berbanding terik matahari yang mencecah tanah pada tengah hari itu. Angin yang bertiup sepoi-sepoi bahasa meredakan kehangatan udara persekitaran buat seketika.

"Bagaimana kita mahu mencarinya?" tanya Wayne dengan penuh kekecewaan. Shakira dan Wayne **kesuntukan** masa. Wajah keresahan jelas kelihatan ketika dia menggaru-garu kepalanya. Shakira mengelap peluh yang bergelining di dahi menggunakan telapak tangannya. Dia menjenguk ke arah rumput yang menghijau sambil berkerut dahi. Dia tidak percaya tidak ada satu pun semanggi berdaun empat di kawasan itu. Shakira dan Wayne telah berjanji untuk mencari daun itu untuk Dini. Sebenarnya, ini bermula apabila mereka berasa kasihan melihat keadaan Dini yang terkurung di wad hospital, bercucuk jarum yang tebal-tebal belaka. Keadaan melarat yang disaksikan pada kawan mereka itu telah mendorong mereka untuk mempercepat proses mencari daun tersebut. 5 10

Masih jelas di ingatan Shakira dan Wayne, sinar harapan yang terpancar di raut wajah Dini ketika dia mendengar bahawa Shakira dan Wayne akan mencarikan daun semanggi untuknya kerana ia dikatakan membawa nasib baik. Walau apa pun terjadi, mereka mesti menemukan daun itu dan tidak akan berputus asa selagi tidak menjumpainya. Begitulah juga dengan Dini. 15

Shakira dan Wayne pun meneruskan misi mereka. Masa berlalu bagaikan angin, namun usaha mereka masih belum membuahkan hasil. Sungguhpun demikian, mereka tetap tekun dan tidak akan menyerah. Wayne menggulung lengan panjang bajunya dengan menelitikan empat mata setiap inci kehijauan di sekelilingnya. Tidak lama kemudian, muka mereka menjadi berlumuran keringat manakala rambut kusut masai tercacak-cacak bagaikan sarang burung. **Ura-ura** untuk berhenti mencari bergelut dalam minda mereka sedang tulang-tulang belakang mereka meraung keperitan setelah berjam-jam terbongkok-bongkok mencari-carik tanah. 20

Apabila segala harapan sudah mula hilang, tiba-tiba, Shakira terlihat Wayne melonjak-lonjak seperti orang yang hilang waras. 25

"Aku dah jumpa! Aku dah jumpa!" teriak Wayne. Dari pandangan mata Shakira, bunga-bunga keriang seperti **bertaburan** keluar di sekeliling Wayne. Tanpa berlengah-lengah lagi, Wayne terus berlari merentasi padang lalu memeluk Shakira dengan erat. Jantungnya berdegup kencang dek terlalu gembira dengan penemuannya itu. Mereka berdua pun menikmati keindahan dedaun itu dengan penuh **pesona**. 30

Sambil memandang ke arah Wayne, Shakira berbisik, "Kita berjaya Wayne! Akhirnya kita jumpa juga daun ini disebabkan kita tidak berputus asa. Aku yakin sekali masih ada harapan untuk Dini. Keajaiban boleh dan pasti berlaku!"

Dengan semangat keriang, segala penat lelah mereka langsung pudar. Wayne dan Shakira terus menuju turun dari kawasan pergunungan, tidak sabar untuk kembali ke pangkuan Dini untuk berkongsi harapan yang mereka temui itu. 35

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

21. Apakah yang Wayne dan Shakira lakukan di kawasan pergunungan tersebut? (3 markah)

22. Apakah perkara yang mencetus keinginan untuk memulakan pencarian? (3 markah)

23. Apakah yang menjadi sumber dorongan kepada Wayne dan Shakira untuk tidak berputus asa? (3 markah)

24. Mengapakah Wayne dan Shakira hampir-hampir berputus asa? (3 markah)

25. Wayne dan Shakira ialah rakan yang baik. Berikan **dua** bukti untuk menyokong pernyataan tersebut? (5 markah)

26. Jelaskan **dua** pengajaran daripada petikan tersebut.

(5 markah)

Arahan: Bagi soalan 27 hingga 30, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27. kesuntukan

(baris 6)

(2 markah)

28. ura-ura

(baris 21)

(2 markah)

29. bertaburan

(baris 27)

(2 markah)

30. pesona

(baris 30)

(2 markah)

SELESAI